



30 November 2015
30 November 2015
P.U. (A) 279

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) (PINDAAN) (NO. 2) 2015

WATER SERVICES INDUSTRY (WATER RETICULATION AND PLUMBING) (AMENDMENT) (NO. 2) RULES 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) (PINDAAN) (NO. 2) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 180 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) (No. 2) 2015**.

(2) Kaedah-Kaedah ini, kecuali subperenggan 2(a)(i), mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2015.

(3) Subperenggan 2(a)(i) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 30 November 2017.

Pindaan Jadual Pertama

2. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 [*P.U. (A) 36/2014*] dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) dalam perkara (A)—

(i) dalam subperkara (xvi), dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “ASTM A312/A312M-11” dengan perkataan “ASTM A 312/A 312M-2014b”; dan

(ii) dalam subperkara (xviii), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“BS EN 545 : 2006	Paip, Lengkapan, Aksesori dan Sambungan Besi Mulur untuk Talian Paip Air – Keperluan dan Kaedah Ujian”;

(b) dalam perkara (B)—

- (i) dengan memotong subperkara (xvii) dan butir-butir yang berhubungan dengannya;
- (ii) dalam subperkara (xviii), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“BS EN 545 : 2006	Paip, Lengkapan, Aksesori dan Sambungan Besi Mulur untuk Talian Paip Air – Keperluan dan Kaedah Ujian
EN 12842 : 2012	Lengkapan Besi Mulur untuk Sistem Perpaipan PVC-U atau PE. Keperluan dan Kaedah Ujian”; dan

- (iii) dengan memasukkan selepas subperkara (xxxiii) subperkara dan butir-butir yang berikut:

Ruang (1) Perkara	Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“(xxxiv) <i>“Steel Flange”</i>	BS EN 1092 -1 : 2007 + A1 : 2013	Bebibir dan Sambungannya. Bebibir Bulat untuk Paip, Injap, Lengkapan dan Aksesori, PN Tentuan. Bebibir Keluli
	BS EN 1759 -1 : 2004	Bebibir dan Sambungannya. Bebibir Bulat untuk Paip, Injap, Lengkapan dan Aksesori, Kelas Tentuan. Bebibir Keluli, NPS $\frac{1}{2}$ hingga 24”;